

# CERMAT TANGANI MASALAH JUVANA

Pelbagai andaian dikemukakan ekoran meningkatnya jenayah di kalangan remaja Malaysia kebelakangan ini. Mampukah langkah segera pihak berkaitan menangani fenomena serius itu daripada terus berlarutan?



*Pendekatan secara psikologi mampu membantu remaja bermasalah supaya dapat kembali ke pangkal jalan. - Gambar hiasan*

**S**EJAK pertengahan tahun ini, beberapa sekolah berasrama menjadi tumpuan ramai tidak sahaja di kalangan masyarakat bahkan menarik minat pihak polis untuk campur tangan. Ini bukanlah berkaitan pencapaian unik atau akademik sekolah terbabit. Sebaliknya, ia kerana masalah juvana yang melibatkan kes-kes disiplin serius terutamanya samseng atau buli pelajar.

Terbaru pada 19 September, seorang pelajar Kolej Matrikulasi Londang di Melaka teruk dibelasah sekumpulan 12 pelajar lain kerana membocorkan rahsia mereka mengintai penghuni asrama wanita di kolej itu. Pada 12 Ogos sebelum itu, lapan pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat mencederakan sehingga parah seorang pelajar tingkatan lima.

Pendedahan berita seumpama itu kebelakangan ini agak membimbangkan di sebalik statistik polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berhubung kes juvana di negara kita yang menurut mereka masih lagi terkawal. Jika dahulu, masalah juvana lebih melibatkan kes berkaitan dadah berbahaya, judi haram,

ke-salahan lalu lintas atau merosakkan harta benda awam.

Kali ini, senario kes juvana lebih berat seperti kumpulan samseng yang sanggup mencederakan dan ada sampai ke tahap membunuh mangsa. Dalam konteks ini, pasti ramai mengingati insiden menyayat hati Nur Sakeela Ramli Chow, 5. Mangsa dihentak sampai mati oleh seorang budak lelaki berusia 15 tahun dekat rumahnya di Ampang, Selangor.

Kejadian malang yang berlaku pada pukul 10.30 malam 31 Mac tahun lepas itu berpunca kerana balas dendam terhadap abang mangsa yang pernah memukul remaja tersebut. Namun, pesalah terbabit agak bernasib baik kerana faktor bawah umur. Dia cuma perlu dihantar untuk rawatan pemulihan di Sekolah Henry Gurney di Melaka.

"Di Malaysia, jenayah serius remaja berusia antara 10 dan 18 tahun tertakluk mengikut peruntukan Akta Mahkamah Juvana 1947. Ini termasuk kes remaja liar gagal dikawal oleh ibu bapa atau penjaga. Hukuman ke atas mereka lebih berbentuk



Ada remaja diperalatkan oleh pihak tertentu sehingga tanpa disedari terjebak dalam kegiatan jenayah.

pemulihan akhlak di institusi khas di bawah JKM," kata pakar psikologi, Prof. Madya Dr. Sabitha Marican.

Beliau yang juga pensyarah Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia di Universiti Utara Malaysia (UUM) menambah, dari segi psikologi, zaman remaja mulai dari awal akil baligh merupakan satu jangka masa peralihan. Tempoh tersebut yang berlaku antara alam kanak-kanak ke peringkat dewasa biasanya penuh dengan beraneka konflik kehidupan.

"Remaja ialah kumpulan masyarakat yang bakal mencorakkan hala tuju dan masa depan negara. Masalah akhlak remaja yang semakin berleluasa secara tidak langsung boleh menjadi ancaman besar kepada negara. Jika gagal dibendung, masalah juvana juga boleh merugikan negara dari segi sumber manusia dalam jangka panjang," ujar Dr. Sabitha.

Beliau memberi contoh kurangnya penglibatan golongan belia Melayu yang terlibat aktif dalam aktiviti berpersatuan. "Bahkan, menurut statistik Bahagian Belia di Kementerian Belia dan Sukan, meskipun Malaysia memiliki antara struktur organisasi belia terbaik di dunia, cuma 24 peratus daripada kira-kira 10 juta belia di negara ini menjadi ahli persatuan," katanya.

Berdasarkan statistik JKM, jelas Dr. Sabitha, secara umumnya trend menunjukkan keruntuhan akhlak dan disiplin di kalangan remaja masih lagi berada pada paras tinggi. "Kerosakan moral go-

longan ini boleh dilihat dari pelbagai sudut. Langkah mengenal pasti punca masalah itu penting sebagai strategi berkesan mengatasi kes juvana," tambahnya.

Pandangan Dr. Sabitha itu turut dipersetujui oleh Presiden Persatuan Psikologi Malaysia, Prof. Dr. Mahmood Nazar Mohamed. Beliau merumuskan corak kehidupan remaja kini jauh berbeza dengan remaja masa dahulu walaupun aspek keperluan hidup tidak berubah. Faktor persekitaran tempat membesar dan cara hidup mereka sudah agak kompleks.

"Lebih mengejutkan, kajian pakar psikologi di luar negara menunjukkan remaja daripada keluarga yang berada lebih signifikan terlibat jenayah. Ini berpunca daripada kemerosotan asuhan dan kawalan ibu bapa. Tekanan hidup, kesibukan kerja bagi mengejar kemewahan dan aktiviti sosial juga menjarakkan masa ibu bapa dapat berdamping dengan anak," katanya.

Keluarga yang terlalu mewah gaya hidup, ujar Dr. Mahmood, turut menyumbang kepada keruntuhan disiplin anak mereka dalam jangka masa panjang. Kesannya ialah berlaku pergaulan bebas dan lebih memburukkan lagi keadaan, ibu bapa mereka pula tidak mengambil berat akhlak anak yang terpengaruh dengan budaya negatif oleh rakan sebaya.

Antara strategi penyelesaian yang boleh diambil setidak-tidaknya bagi mengurangkan fenomena juvana itu ialah menerusi cara pendekatan akademik. Teknik

alat bantuan pengajaran. Ia diseimbangkan dengan aktiviti separa akademik seperti kokurikulum di luar waktu kelas.

"Strategi ini terbukti berkesan di sekolah elit dalam mengurangkan beban pembelajaran dan tekanan pelajarannya. Selain itu, pendekatan secara psikologi ini boleh menarik minat remaja bagi menghabiskan lebih banyak masa melalui aktiviti bermanfaat dalam sekolah daripada berpeleleran di luar sekolah dengan kegiatan tidak sihat," kata Dr. Mahmood.

Aspek penguatkuasaan undang-undang seperti bidang kuasa polis yang diperluaskan dengan merangkumi sekolah juga sesuai diguna pakai. "Mungkin akan ada penentangan khasnya daripada ibu bapa. Tetapi ini tidak mustahil diperkenalkan jika langkah alternatif seperti khidmat nasihat oleh kaunselor atau ceramah kesedaran sivik gagal membantu juvana terlibat," jelasnya.

Walau apa pun strategi yang diguna pakai termasuk pendekatan agama, masalah jenayah remaja bukanlah isu pelajar, ibu bapa atau guru. Masalah juvana merupakan masalah setiap lapisan masyarakat. Para pemimpin tempatan tidak kira di peringkat kawasan kejiranan, politik, badan belia dan sebagainya perlu terlibat memberi kerjasama.


Di Malaysia terdapat hampir 90 buah jawatankuasa kebajikan juvana di seluruh negara dengan keahlian lebih 1,000 orang dan diselia oleh pejabat JKM negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa itu perlu lebih proaktif memainkan peranan di peringkat akar umbi. Barangkali sudah tiba masanya isu juvana dilihat sebagai ancaman baru negara sama seperti menangani kes jenayah berat yang lain. □

### Jenis Kesalahan Juvana Mengikut Tahun

Kesalahan	1997	1998	1999	2000	2001*
Harta Benda	2,932	3,950	3,790	3,401	987
Melibatkan Manusia	341	586	497	467	122
Kesalahan Jantina	53	84	84	98	124
Langgar Tahanan	38	65	68	22	15
Dadah Berbahaya	476	559	428	442	159
Berjudi Haram	132	139	88	98	66
Senjata/Bahan Api	55	56	47	59	23
Lalu Lintas	287	522	427	389	145
Miliki Senjata	39	55	39	38	11
Lain-lain	227	322	232	270	129
Jumlah Besar	4,590	6,338	5,700	5,284	1,681

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2001)

Nota: \* Sehingga Jun sahaja



Masalah juvana yang serius bukan sekadar isu yang perlu diselesaikan oleh polis. Ibu bapa perlu memainkan peranan yang lebih berkesan.